

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

TARIKH : 23.3.2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 24

YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada AP, import, cukai eksais dan jualan akan dimansuhkan dengan pegangan majoriti Proton Holdings Berhad dijual kepada syarikat-syarikat asing dan kesannya terhadap program vendor tempatan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON ialah syarikat swasta yang dimiliki penuh oleh Kumpulan DRB-HICOM sejak 2012. Buat masa ini, proses penilaian oleh pihak PROTON dan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir dan hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun 2017.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, perubahan dasar dilakukan berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa negara dan ianya tidak tertakluk kepada perkembangan sesebuah syarikat. Pada masa ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan bagi meminda dasar-dasar berkaitan automotif termasuklah pemansuhan AP, duti import, cukai eksais dan cukai jualan sekiranya pegangan ekuiti PROTON dijual. Sekiranya terdapat perubahan terhadap Dasar Automotif Negara, Kerajaan akan melakukan konsultasi bersama *stakeholders* terlebih dahulu dan tidak hanya tertakluk kepada keputusan penjualan ekuiti PROTON sahaja.

Sepertimana umum ketahui, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ianya merupakan projek kereta nasional dan mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,500 orang tenaga kerja PROTON, hampir 240 vendor serta hampir 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam "*supply chain*" PROTON. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada PROTON bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk kebajikan pekerja PROTON dan vendor tempatan.